
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JPK 411 – Teori-Teori Pembelajaran Kognitif

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. (a) Mengikuti Donald A. Norman (1982), pembelajaran ialah sesuatu yang melibatkan ingatan yang bermatlamat dan tingkah laku mahir. Huraikan jenis-jenis ingatan berikut:
- (i) ingatan jangka panjang
 - (ii) ingatan deria
- (10 markah)
- (b) Teori pembelajaran kognitif yang dikemukakan oleh Jean Piaget (1896–1980) ialah satu teori yang menyatakan tentang perkembangan intelek manusia. Jelaskan konsep-konsep berikut mengikut pandangan Piaget.
- (i) kecerdasan
 - (ii) skema
 - (iii) asimilasi
- (15 markah)
2. (a) Edward Chace Tolman (1886-1959) ialah ahli Psikologi yang berpandangan bahawa pembelajaran tidak semestinya dikaitkan dengan tingkah laku. Berdasarkan pandangan tersebut:
- (i) Huraikan tiga prinsip yang menjadi asas kepada tingkah laku organisma.
 - (ii) Bincangkan peranan peneguhan dan motivasi dalam pembelajaran.
 - (iii) Bezakan pembelajaran dan tingkah laku.
- (15 markah)
- (b) B.F. Skinner (1953) telah mengemukakan dua jenis peneguhan. Bincangkan jenis-jenis peneguhan berikut serta contoh-contohnya.
- (i) peneguhan positif
 - (ii) peneguhan negatif
- (10 markah)

...3/-

3. (a) Bandura (1977) menyatakan bahawa “pembelajaran berlaku dengan cara memerhatikan orang lain melakukannya.” Berdasarkan kenyataan tersebut, huraikan EMPAT (4) cara guru boleh mengaplikasikan teori permodelan Bandura di dalam bilik darjah.
- (10 markah)
- (b) Huraikan Paragnanz adalah berkaitan rapat dengan pengamatan. Prinsip-prinsipnya digunakan oleh ahli Psikologi Gestalt untuk menghuraikan ciri-ciri dan perkaitan di antara organisma dan konfigurasi. Terangkan prinsip-prinsip berikut.
- (i) prinsip kesamaan
 - (ii) prinsip kedekatan
 - (iii) prinsip rangkuman
- (15 markah)
4. Pembelajaran boleh dibahagikan kepada LIMA (5) jenis. Huraikan setiap satu dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.
- (25 markah)
5. (a) Teori Thorndike dan Skinner adalah dua teori yang sering digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bincangkan tiga cara guru dapat mengaplikasikan teori-teori tersebut dalam bilik darjah.
- (15 markah)
- (b) David Ausebel (1963) mengklasifikasikan pembelajaran kepada dua dimensi. Huraikan konsep-knsep berikut:
- (i) penemuan
 - (ii) resepi
- (10 markah)